

Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam Berbanding Pendekatan Moden dalam Melestarikan Negara

Saleh Hashim¹, Amalina Abdullah²

¹ *Jabatan Akauntan Negara Malaysia*

² *Universiti Putra Malaysia*

<https://doi.org/10.58458/ipnj.v10.01.05.0065>

Received: 15 August 2019

Reviewed: 14 September 2019

Accepted: 30 October 2020

Abstrak

Idea kelestarian telah muncul pada masa ini bertujuan untuk membendung implikasi ekonomi, sosial dan alam sekitar yang memberi kesan kepada kehidupan manusia. Keadaan ekonomi, sosial dan alam sekitar telah terjejas oleh sikap manusia sendiri yang hanya mengejar keuntungan peribadi tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada kesejahteraan hidup masyarakat. Idea kelestarian yang dikemukakan Laporan Brundtland menyatakan bahawa gabungan faktor kestabilan alam sekitar, sosial dan ekonomi menyumbang kepada kelestarian. Walau bagaimanapun, perbincangan tentang keberkesanan teori tersebut masih berterusan kerana kehidupan manusia masih lagi terjejas oleh isu kelestarian yang lama seperti pemanasan global, jurang kekayaan, kemiskinan, dan kebuluran. Kertas ini mengutarakan pendekatan kelestarian Islam sebagai alternatif yang memberi penekanan kepada faktor insaniah (manusia) yang mempunyai jiwa, akal dan fikiran dalam menangani permasalahan kelestarian ini. Perspektif Islam ini menggariskan peranan manusia yang bertanggungjawab dengan prinsip-prinsip berikut iaitu: i) adil (*adl*); ii) cemerlang (*ihsan*); iii) nilai sosial (*arham*); dan iv) tidak melakukan kerosakan (*fasad*) dalam menguruskan institusi negara. Berdasarkan prinsip-prinsip ini, manusia dapat menjaga sesebuah negara dengan berlaku adil, melaksanakan pengurusan yang cemerlang, menjaga kebajikan orang lain, dan tidak melakukan kerosakan agar dapat menjaga kelestarian negara pada masa akan datang.

Kata kunci: Kelestarian, Pembangunan Lestari, Alam Sekitar

Abstract

The emergence of sustainability ideas aims to systematically tackle economic, social and environmental challenges that affect the people's quality of life. Economic, social and environmental systems have been adversely affected by those who solely pursue personal gain in the long run but at the expense of the wellbeing of others. The idea of sustainability, drawn from the widely known Brundtland Report, states that a combination of environmental, social and economic pillars contribute to sustainability. However, the debate on the effectiveness of the theory continues as global populations are still affected by long-standing sustainability issues, such as global warming, persistent wealth inequality, poverty and food deprivation or hunger. This paper adds to the discussion on Islamic sustainability as an avenue emphasising the soft factor (i.e. human) that encompasses the soul, mind and intelligence ('aql) in addressing sustainability problems. This Islamic perspective defines the roles of responsible human beings with the following principles, namely: i) fairness ('adl); ii) expertise (ihsan); iii) the highest sense of human understanding (arham); and iv) not spreading mischief and moral corruption (fasad) in rebellion to God when managing national institutions. Based on these principles, human beings may manage a country fairly, implement expert management, take care of the welfare of others and do no harm in order to maintain sustainability of the country in the future.

Keywords: *Sustainability, Sustainable Development, Environment*

Pengenalan

Permintaan kepada sumber alam pada masa kini semakin meningkat setiap tahun bagi memenuhi keperluan manusia sebagai sumber makanan atau keperluan melaksanakan pembangunan. Namun begitu, penawaran sumber alam ini menjadi cabaran kepada manusia kerana semakin hari sumber ini menjadi semakin berkurangan disebabkan oleh kemusnahan alam sekitar seperti pencemaran air dan penebangan hutan. Masalah kemusnahan alam sekitar yang timbul ini kebanyakannya adalah berpunca daripada aktiviti manusia sendiri seperti membuang sampah ke dalam sungai atau laut yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar seperti sungai atau laut menjadi tercemar dan seterusnya menjejaskan ekosistem hidupan air. Begitu juga dengan kemusnahan hutan. Pokok-pokok di hutan telah ditebang dan diteroka untuk pengambilan hasil kayu atau digunakan untuk meluaskan tanah pertanian sehingga menyebabkan keluasan hutan menjadi semakin berkurangan, dan seterusnya menjejaskan hasil hutan.

Penawaran sumber alam yang berkurangan akan menyebabkan harga sumber alam tersebut menjadi semakin mahal. Sebagai contoh, kekurangan sumber ikan laut akibat pencemaran air akan menyebabkan harga ikan menjadi lebih tinggi kerana ikan merupakan sumber

keperluan protein manusia. Begitu juga kekurangan sumber kayu kayan daripada hutan pula menyebabkan kos untuk membina tempat tinggal manusia akan menjadi semakin meningkat. Masalah kekurangan sumber yang tidak dibendung akan memberikan kesan yang buruk kepada manusia. Sebagai contoh, apabila makanan dan keperluan lain menjadi mahal, mereka yang berpendapatan rendah atau sederhana akan berasa lebih sukar untuk mendapatkan keperluan hidup. Hal ini seterusnya menyumbang kepada masalah sosial seperti kemiskinan dan kebuluran. Masalah kemiskinan dan kebuluran ini seterusnya pula akan menyumbang kepada masalah sosial yang lain apabila manusia terdesak untuk meneruskan kehidupan dengan kos yang tinggi. Begitulah gambaran kitaran kualiti sosial masyarakat dan kesan keadaan ekonomi serta alam sekitar. Pelbagai masalah dunia hari ini dapat disaksikan seperti masalah peningkatan suhu global, kemiskinan dan kebuluran, dan pencemaran bekalan air yang berpunca daripada kemusnahan alam sekitar.

Malaysia juga tidak terkecuali daripada masalah alam sekitar ini. Sumber alam seperti kayu dan petroleum semakin berkurangan yang akan menyebabkan masalah ekonomi dan menjejaskan kualiti kehidupan rakyat. Sebagai contoh, masalah kekurangan petroleum menyebabkan ketidaktentuan harga pasaran minyak global. Hal ini seterusnya menjejaskan pengeluaran industri dan ekonomi negara. Perkembangan semasa pada tahun 2019 menyaksikan minyak mentah terus mengalami ketidaktentuan harga dengan penanda aras global terkini berada pada harga AS\$53.79 (RM224.40) setong berbanding AS\$76.41 (RM319) setong, iaitu paras tertinggi yang dicatatkan tahun berkenaan (Razib, 2018). Sekiranya perkara ini tidak dikawal, masalah ini akan mengakibatkan kesan kewangan jangka panjang, memberi tekanan kepada ekonomi negara, dan seterusnya menjejaskan kualiti kehidupan.

Kesedaran mengenai kepentingan sumber alam telah dikesan oleh pengkaji-pengkaji sebagai salah satu elemen penting untuk mengekalkan kelestarian. Idea kelestarian yang dibentangkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah mengiktiraf idea kelestarian ini melalui persidangan *World Commission on Environment and Development* (WCED) pada tahun 1987. Idea tersebut menghubungkan faktor persekitaran, sosial, dan ekonomi ke arah mencapai kelestarian.

Pelbagai program usaha sama global telah dilaksanakan oleh PBB bagi mencapai misi kelestarian untuk manfaat generasi sedia ada dan akan datang. Antara program yang telah dilaksanakan oleh PBB termasuklah *Millennium Development Goal* (MDG) yang menasarkan lapan matlamat kelestarian untuk tempoh 15 tahun bermula dari tahun 2000 hingga 2015. Bagi tahun 2015 hingga tahun 2030 pula, PBB telah melancarkan *Sustainability Development Goal* (SDG) dengan menggariskan 17 matlamat untuk mencapai kelestarian.

Namun begitu, berdasarkan dapatan daripada program MDG yang telah dilaksanakan mendapati beberapa matlamat yang digariskan oleh PBB sukar dicapai sebagaimana yang telah dihasratkan. Merujuk kepada statistik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia mendapati kadar kemiskinan pada tahun 2019 masih tinggi iaitu melibatkan separuh daripada penduduk dunia iaitu lebih daripada 3 billion manusia hidup masih dibelenggu kemiskinan dengan pendapatan kurang daripada USD2.50 sehari. Laporan Bank Dunia juga mendapati seramai

1.1 billion lagi manusia hidup dalam keadaan fakir (sangat miskin) dengan pendapatan di bawah USD 1.25 sehari (World Bank, 2019). Dari aspek pengagihan ekonomi pula, terdapat jurang ketara antara golongan kaya dan miskin atau lompong yang luas dalam mengagih kekayaan. Dunia hari ini menyaksikan kekayaan dunia tidak diagihkan dengan saksama. Tami Luhby (2019) mendapati hanya 26 orang individu yang menguasai hampir USD5.6 trilion wang tunai yang menyamai kekayaan terkumpul untuk 3.8 bilion orang lain. Perbezaan ini menunjukkan kekayaan dunia sebenarnya tidak diagihkan dengan saksama kerana wujud jurang perbezaan yang amat besar di antara golongan kaya dan juga golongan miskin dan masalah kemiskinan.

Ketidakseimbangan dalam pelaksanaan program kelestarian ini menunjukkan terdapat kelompongan teori yang perlu ditambahbaik bagi meningkatkan impak kepada ekosistem dunia. Kertas ini bertujuan untuk mengutarakan pandangan teori kelestarian menurut pespektif Islam untuk memberi input dari sudut pandang Islam mengenai teori kelestarian yang telah diutarakan sebelum ini. Kertas ini distrukturkan seperti berikut: a) ringkasan konsep kelestarian menurut perspektif barat, b) konsep kelestarian menurut perspektif Islam, dan c) cadangan penambahbaikan.

Konsep Kelestarian dari Perspektif Barat

Idea mengenai kelestarian terdapat sejak dari tahun 1798 apabila Robert Thomas Malthus mengemukakan teori populasi yang dikenali sebagai *“The Malthusian Theory of Population”* dalam bukunya yang bertajuk *“Principle of Population”*. Kenyataan Robert Thomas Malthus seperti berikut:

“By nature human food increases in a slow arithmetical ratio; man himself increases in a quick geometrical ratio unless want and vice stop him. The increase in numbers is necessarily limited by the means of subsistence. Population invariably increases when the means of subsistence increase, unless prevented by powerful and obvious checks.”

(Malthus, 1798)

Keadaan yang diutarakan oleh teori ini menunjukkan pada satu masa akan wujud ketidakseimbangan antara penawaran makanan dan jumlah populasi yang akan menyebabkan sumber makanan tidak mencukupi menampung keperluan. Teori tersebut menyatakan bahawa disebabkan kekurangan makanan tersebut, ia akan menyebabkan bilangan pertambahan populasi manusia menurun. Namun begitu, idea Robert Thomas Malthus ini telah mendapat kritikan beberapa sarjana lain atas beberapa alasan. Antara alasan yang dikemukakan adalah teori ini dibuat dengan tanpa mengambil kira dua perkara berikut iaitu:

- i. Perkembangan teknologi makanan – Perkembangan teknologi makanan yang akan menambahkan penawaran makanan. Melalui teknologi baru yang diperkenalkan, pengeluaran makanan akan ditingkatkan.

- ii. Migrasi penduduk – Migrasi penduduk boleh berlaku apabila manusia mendapati makanan di kawasan mereka tidak mencukupi dan manusia akan mencari tempat baru yang mampu memberikan mereka makanan.

Perkembangan teori kelestarian muncul semula pada sekitar tahun 1970an, apabila manusia menghadapi masalah kemelesetan ekonomi disebabkan kekurangan sumber bahan mentah dan juga ketidaktentuan harga pasaran bahan mentah. Masalah kemelesetan ekonomi ini memberi kesan yang sangat besar kepada kebanyakan negara dunia pada ketika itu, apabila aktiviti industri terjejas teruk oleh keadaan tersebut dan seterusnya menyebabkan kurangnya peluang pekerjaan, peningkatan jumlah pengangguran dan juga peningkatan kadar kemiskinan dan kebuluran terutamanya kepada negara miskin. Ketidaktentuan harga pasaran bahan mentah ini berlaku adalah disebabkan oleh kekurangan penawaran bekalan bahan mentah kesan aktiviti penerokaan alam yang tidak terkawal yang dilakukan oleh manusia. Keadaan ini sekiranya tidak dikawal akan memberikan kesan yang lebih besar kepada dunia.

Bagi menangani isu ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui forum “*Our Common Future*” pada tahun 1987 yang dipengerusikan oleh Gro Harlem Brundtland, Mantan Perdana Menteri Norway telah menerbitkan sebuah laporan mengenai kelestarian yang dikenali sebagai “*Brundtland Report*”. Laporan ini telah mengemukakan definisi pembangunan lestari yang terkenal iaitu “Pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri (Brundtland, 1987).

Antara cadangan laporan ini adalah satu Suruhanjaya Khas perlu diwujudkan bagi memberikan tumpuan mengenai perkara-perkara berikut:

- a) Mengemukakan strategi jangka panjang untuk mencapai pembangunan yang lestari;
- b) Mengemukakan kaedah menangani kebimbangan terhadap alam sekitar dengan kerjasama negara-negara maju dan membangun dengan mengambil kira hubungan antara manusia, sumber bahan, alam sekitar dan pembangunan;
- c) Mengemukakan kaedah kepada komuniti antarabangsa untuk menangani kebimbangan alam sekitar dengan lebih berkesan; dan
- d) Mentakrifkan persepsi isu-isu alam sekitar untuk jangka masa panjang dan usaha-usaha untuk perlindungan dan peningkatan alam sekitar.

Susulan daripada laporan ini, PBB telah merangka langkah jangka panjang bagi menangani isu kelestarian. Antara langkah yang telah diperkenalkan oleh PBB pada tahun 2000 adalah dengan melaksanakan program *Millenium Development Goal* (MDG) iaitu program jangka

panjang bertempoh 15 tahun (dari tahun 2000 hingga tahun 2015) dengan menetapkan 8 matlamat utama kelestarian iaitu a) membasmi kemiskinan dan kelaparan yang melampau, b) pendidikan asas yang universal, c) menggalakan kesaksamaan gender dan memperkasakan wanita, d) mengurangkan kematian kanak-kanak, e) meningkatkan kesihatan ibu, f) memerangi HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain, g) memastikan kelestarian alam sekitar, dan h) mengembangkan perkongsian global untuk pembangunan.

Setelah tamatnya MDG pada tahun 2015, PBB sekali lagi telah memperkenalkan sebuah dokumen jangka panjang bertempoh 15 tahun (dari tahun 2015 hingga tahun 2030) yang dikenali sebagai *“Transforming Our World: The 2030 Global Agenda for Sustainable Development”*. Dokumen ini telah disepakati oleh kebanyakan negara di dunia termasuklah Malaysia. Di dalam dokumen tersebut, terdapat 17 matlamat yang dikenali sebagai *“Sustainable Development Goals”* (SDG) dengan memfokuskan isu penting pembangunan global yang merangkumi aspek manusia, alam sekitar dan ekonomi. Senarai 17 matlamat SDG diringkaskan seperti dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Sustainable Development Goals



Source: (United Nation, 2016)

Walaupun pelaksanaan SDG masih belum berakhir dan hasilnya masih belum dinilai, laporan yang dikeluarkan oleh PBB pada tahun 2016 mengenai pencapaian MDG menunjukkan kelemahan dari segi impak pelaksanaan idea kelestarian yang telah dilaksanakan sebelum ini. Antara kelemahan yang telah dicatatkan dalam laporan tersebut ialah i) jurang ketara ketidaksamarataan pendapatan antara golongan kaya dan juga golongan miskin serta

golongan yang tinggal di bandar dan golongan yang tinggal di desa, ii) perubahan iklim dan kemerosotan alam sekitar yang merosakkan kemajuan dan menjejaskan kehidupan golongan miskin, dan iii) terdapat berjuta-juta manusia yang hidup dalam kemiskinan dan tidak mempunyai keperluan asas. (United Nation, 2016). Pelaksanaan SDG juga menampakkan sasaran matlamatnya tetapi masih samar kerana angka kemiskinan masih tidak mencatatkan penurunan, isu masalah pemanasan global yang semakin ketara, dan ketaksamaan pendapatan yang sangat tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa PBB perlu mencari wadah yang lebih baik dan efektif bagi melaksanakan program-program kelestarian.

Pandangan Islam Mengenai Kelestarian

Majoriti para sarjana Islam mendapati elemen kelestarian dari perspektif Islam menekankan kepada faktor insaniah iaitu manusia sebagai khalifah yang dipertanggungjawabkan menguruskan alam ini dengan baik sebagai faktor utama kelestarian. Menurut Sulaiman, Hasan, & Mohamad, (2016), idea pembangunan lestari dari sudut kerangka Islam sedikit berbeza dengan idea pembangunan lestari dalam pemikiran barat di mana idea barat terdorong untuk menekankan kepada pulangan material serta tidak menekankan kepada aspek jiwa (kekurangan kerohanian). Sedangkan dalam Islam penekanan nilai mulia di kalangan manusia untuk mengimbangi antara tuntutan duniawi dengan kefasihan melalui perkembangan dualisme yang rohani dan jasmani. Aspek insaniah ini turut disokong oleh pandangan Baharuddin (2017) yang menyatakan dalam konteks Islam, kelestarian perlu ditetapkan oleh matlamat dan etika cara hidup yang lestari yang mengandungi prinsip Shari'ah dan mekanisme yang mana jalan hidup akan dilaksanakan. Idea kelestarian dari perspektif Islam perlu merujuk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Al-Qur'an dan amalannya, serta sunnah oleh Nabi Muhammad (SAW). Manakala Hasan (2007) pula menyatakan bahawa perspektif Islam adalah sesuai dengan perlindungan alam sekitar, isu-isu sosial yang mengelilingi moral, etika, sosial, kerumitan politik, dan ekonomi adalah faktor kelestarian.

Idea kelestarian ini merupakan sistem yang dibawa oleh Nabi Muhammad (SAW) kepada manusia untuk menjaga alam ini sesuai dengan ayat Al-Qur'an yang telah menyatakan bahawa manusia ditugaskan sebagai khalifah (*vicegerent*) Allah di Bumi:

"Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".

(Surah Al-Baqarah, 30)

Berbanding dengan teori kelestarian sedia ada, Al-Jayyousi (2012) menyatakan pendekatan Islam lebih sesuai untuk menjaga alam sekitar dan memberi pendapat bahawa isu-isu

berkaitan kelestarian mempunyai kerumitan moral, etika, sosial dan politik dan ekonomi. Menurut beliau lagi, kelestarian dalam Islam boleh dirujuk di dalam Al-Quran, Surah Saba, di mana Al-Quran menceritakan mengenai kisah sebuah negara yang dikenali sebagai Sheba (Saba) yang makmur dengan sumber makanan yang banyak dengan teknologi tadahan air (empangan). Namun begitu, disebabkan kekufuran mereka kepada Allah SWT, Allah telah mengambil kembali nikmat yang telah diberikan kepada mereka. Firman Allah SWT mengenai perkara ini seperti berikut:

“Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba', satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak di sebelah kanan dan di sebelah kiri (kampung mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya; (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman dan makmur), dan (Tuhan kamu adalah) Tuhan yang Maha Pengampun". Maka mereka berpaling ingkar, lalu Kami hantarkan kepada mereka banjir yang membinasakan, dan Kami gantikan dua kumpulan kebun mereka (yang subur) itu dengan dua kumpulan kebun yang berisi dengan pohon-pohon yang pahit buahnya, dan pohon-pohon yang jarang berbuah, serta sedikit pohon-pohon bidara. Demikianlah Kami membalas mereka disebabkan kekufuran mereka; dan sebenarnya Kami tidak menimpakan balasan yang demikian melainkan kepada orang-orang yang amat kufur.”

(Surah Saba, 15-17)

Al-Quran telah menceritakan bahawa seluruh alam ini termasuk manusia adalah ciptaan oleh Allah SWT dan manusia telah diutuskan ke dunia ini sebagai khalifah dan manusia perlu mentadbirkan bumi ini dengan baik. Alam ini merupakan tempat sementara buat manusia sehingga manusia mati dan manusia akan diberikan balasan di atas perbuatan mereka pada hari kiamat. Pandangan Islam menyatakan bahawa Al-Quran yang diturunkan kepada manusia melalui rasulnya menjadi rahmat kepada sekalian alam. Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud:

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam”

(Al-Anbiyaa, 107)

Al-Quran juga telah menjelaskan bahawa timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di daratan dan di lautan adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia itu sendiri yang melakukan perbuatan-perbuatan yang merosakkan alam sekitar. Sikap manusia yang menyebabkan kerosakan kepada alam ini telah dinyatakan di dalam Al-Quran seperti dalam firman Allah SWT dalam Al-Quran:

“Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; (timbulnya

yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)”

(Ar-Rum: 41)


Manusia yang dilantik sebagai khalifah hendaklah menguruskan alam sekitar ini dengan adil dan cekap serta saling bantu membantu sesama manusia dan juga tidak dibenarkan untuk melakukan kerosakkan (perbuatan keji, mungkar dan kezaliman). Allah SWT berfirman dalam Al- Quran:

“Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan) dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.”

(An-Nahl, 90)

Al-Jayyousi, (2012) telah memperkenalkan konsep kelestarian dari perspektif Islam berdasarkan kepada ayat al-Quran dengan 4 prinsip utama untuk menjaga kelestarian iaitu keadilan, kecemerlangan pentadbiran, nilai sosial dan tidak melakukan kerosakan. Pandangan Islam diulangi bahawa pertimbangan kepelbagaian budaya adalah komponen penting dalam nilai-nilai Islam. Idea yang diambil daripada perspektif Islam untuk menjelmakan pembangunan lestari dalam kerangka seperti Rajah 2 di bawah:

Rajah 2: Sustainable Development Model dari Perspektif Islam



Nota: Sustainable Development Model based on Islamic Worldview (Al-Jayyousi, 2012)

Dalam rangka kerja ini yang terdiri daripada lingkaran teras yang mewakili kehidupan yang baik (Hayat Tayyibah) dan lingkaran luar mewakili tanggapan pembinaan bumi (Imarat al-Kwan) mengandungi empat komponen seperti berikut:


- i. Keadilan (*Adl*) - merujuk kepada kosmik, ekologi, manusia dan keharmonian di alam semesta. Tadbir urus dan etika yang adil adalah asas untuk mencapai dan mengekalkan kemajuan dan untuk membina kehidupan yang baik (Hayat Tayyibah);
- ii. Kecemerlangan (*Ihsan*) - merujuk kepada kecekapan dan keberkesanan individu, organisasi, dan masyarakat (ummah). Ini juga melibatkan penambahbaikan nilai yang berterusan dan pengembangan ilmu pengetahuan untuk semua manusia;
- iii. Nilai sosial (*arham*) - merujuk kepada rangkaian sosial dari keluarga ke kejuruan dan komuniti manusia global pada umumnya. Islam mengajar bahawa semua manusia diciptakan dari latar belakang yang berbeza supaya dapat mencapai "pembelajaran sosial dan cerdas"; dan
- iv. Tidak melakukan kerosakan (*fasad*) - merujuk kepada penyimpangan dari fitrah semula jadi dan murni (fitrah) dan keseimbangan yang diciptakan oleh Allah. Ketidakseimbangan ini disebabkan oleh aktiviti manusia yang tidak mengagungkan nilai-nilai ekologi dan etika, idea-idea ini dari Islam boleh menjadi parameter baru bagi kemajuan masyarakat. Mengambil prinsip Islam sebagai pandangan dunia yang berasaskan pengetahuan dan pelbagai akan membantu kedua-dua ekosistem dan komuniti global.

Al-Jayyousi (2012) menyebutkan bahawa tamadun manusia yang lestari adalah berasaskan kesedaran Allah (taqwa), termasuk mengamalkan prinsip keadilan ('adl), melakukan kebajikan (ihsan) dan amalan atas sebab Allah (infaq). Umat Islam dan manusia secara keseluruhan diperintahkan untuk menjaga alam sekitar dan tidak merosakkannya. Oleh itu, pendekatan Islam yang mengekalkan kehidupan alam sekitar memerlukan hidup dalam "damai dan keharmonian (salam)" di peringkat individu, sosial dan ekologi.

Kerangka Konsep Kelestarian dari Perspektif Islam

Kertas ini telah mengadaptasikan idea kelestarian oleh Al-Jayyousi (2012) dengan menambahbaik idea daripada pemikir-pemikir lain seperti Baharuddin (2017), Sulaiman, Hasan, & Mohamad (2016), Jusoff et al. (2011) dan Hasan (2007) untuk mencadangkan kerangka konseptual berikut bagi menggambarkan konsep kelestarian daripada perspektif Islam seperti dalam Rajah 3 di bawah.

Rajah 3: Kerangka Kelestarian dari Perspektif Islam



Kerangka konsep ini menerangkan bahawa falsafah ini dibina berdasarkan kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Allah SWT telah menurunkan Al-Quran melalui Nabi Muhammad SAW untuk memberi petunjuk kepada manusia agar menguruskan alam ini dengan baik dan tidak melakukan kerosakan kepada alam ini seperti dalam firmanNya:

"Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi", mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang-orang yang hanya membuat kebaikan". Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang-orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya."

(Al-Baqarah: 11-12)

Manusia perlu mempunyai empat (4) prinsip utama kelestarian iaitu keadilan (adl), melaksanakan pengurusan yang cemerlang (Ihsan), nilai sosial (Arham) dan menghindari daripada melakukan kerosakan (fasad) sebagaimana yang telah diterangkan oleh Al-Jayyusi (2012). Faktor ini dapat menyumbang keputusan yang lebih baik terhadap ketiga-tiga komponen kelestarian iaitu sosial, alam sekitar dan ekonomi sebagai berikut.

i. Prinsip Adil (Adl)

Prinsip Adil merujuk kepada meletakkan sesuatu perkara itu di tempat atau haknya dan ianya tidak hanya terhad kepada aspek keadilan undang-undang sahaja. Sebagai contoh, apabila seseorang itu diamanahkan untuk menjaga sesuatu harta, maka ia hendaklah melaksanakan amanah tersebut dengan baik agar harta tersebut tidak terbiar dan dapat dimanfaatkan. Begitu juga kepada pemimpin, pemimpin hendaklah melaksanakan tugasnya untuk memimpin masyarakat dengan baik apabila diberikan amanah dan bukan mengambil kesempatan di

atas peranannya untuk mengaut keuntungan kepada diri sendiri.

Menurut Zaini Ujang (1998), prinsip adil ini tidak semestinya sama rata dan ianya mengikut ketetapan yang telah ditentukan. Sebagai contoh, kandungan udara yang seimbang dalam atmosfera adalah terdiri daripada komposisi nitrogen (78%), oksigen (21%), wap air (1%), karbon dioksida (0.03%) dan gas-gas lain (0.97%). Walau bagaimanapun, sekiranya kedudukan peratusan gas ini tidak berada pada kedudukan peratusannya, sebagai contohnya peratus kandungan karbon dioksida lebih tinggi daripada 0.03%, maka keadaan ini sudah tentu akan mengganggu ekosistem atmosfera dan juga menyebabkan peningkatan suhu dan perubahan cuaca. Ketidakseimbangan peratusan gas karbon dioksida ini akan mengganggu kehidupan manusia yang menyebabkan cuaca yang semakin panas. Menurut Özdemir (2003), alam sekitar telah dibuat secara teratur, seimbang dan dengan keindahan estetik yang luar biasa, dan semua aspek alam semula jadi sambil meningkatkan kehidupan manusia di sini, harus dihormati, dibangunkan dan dilindungi dengan sewajarnya.

Peranan prinsip adil ini yang diterapkan dalam idea kelestarian ini amat menyeluruh dan Islam meletakkan keadilan itu kepada semua perkara termasuk kepada alam sekitar, sosial dan juga dalam ekonomi. Bagi aspek alam sekitar, pendekatan Islam menghendaki manusia sebagai khalifah bertanggungjawab untuk menjaga dan melindungi alam sekitar yang telah diamanahkan oleh pencipta. Alam sekitarnya adalah penciptaan Allah dan Islam yang menganggapnya adalah keadaan semula jadi (fitrah). Elemen alam sekitar menunjukkan penciptaan itu adalah menggambarkan kebenaran seperti yang disebut dalam Al-Qur'an:

"Dan bagi Allah kepunyaan timur dan barat. Sekiranya kamu berpaling (untuk menyembah-Nya), itu adalah jalan yang dikehendaki Allah; Sesungguhnya Allah Maha Luas (lagi Maha Mengetahui), Yang Maha Mengetahui"

(Al-Baqarah, 115)

Begitu juga dari segi keadilan sosial, menurut Rangkuti (2017) memperlakukan seseorang atau orang lain sesuai haknya atas kewajiban. Hak-hak manusia adalah hak yang diperlukan manusia bagi kelangsungan hidupnya di dalam masyarakat. Sayyid Qutb (1964) telah menerangkan bahawa Islam telah menyiapkan prinsip-prinsip dasar keadilan sosial dan mengukuhkan kedudukan orang miskin pada kekayaan orang kaya, ia menyediakan prinsip keadilan bagi kekuasaan dan wang sehingga tidak ada perlunya untuk menanam pemikiran manusia dan mengajak mereka untuk meninggalkan hak-hak bumi mereka untuk tujuan harapan mereka di akhirat.

Dari segi kepimpinan, menurut Daud & Zabidi (2009) membangunkan sesebuah kerajaan yang adil dan beramanah merupakan suatu tuntutan dan tanggungjawab bukan sekadar merupakan pengemudi bahkan membabitkan semua pihak yang berada di dalam organisasi kerajaan tersebut. Komponen adil dan beramanah ini mempunyai peranan yang sangat besar terutamanya dalam konteks bernegara. Kekejaman dan penyelewengan pemerintahan akan membawa kepada kebencian dan kemarahan dalam masyarakat .

Dari aspek ekonomi pula, menurut Purwana (2014), para sahabat di zaman Rasulullah melakukan perdagangan dengan penuh kejujuran. Mereka tidak mengurangi timbangan ketika berdagang. Sistem ekonomi Islam memberikan kuasa beli yang mencukupi kepada golongan miskin dan seterusnya dapat meringankan beban golongan miskin. Dengan memperkasakan golongan miskin, maka ianya membantu peredaran wang di pasaran dan mengembangkan ekonomi. Sistem ekonomi Islam juga tidak menggalakkan konsep monopoli dengan memberikan persaingan yang adil dalam pembangunan negara.

ii. Prinsip Cemerlang

Takrifan cemerlang sering dikaitkan dengan kecekapan penghasilan produktiviti atau perkhidmatan yang menjangkau output yang telah disasarkan. Namun, proses kerja yang cemerlang bukan sekadar untuk menghasilkan output atau perkhidmatan yang baik semata-mata, tetapi juga untuk mengelakkan penyalahgunaan kuasa, korupsi, pengurusan birokratik dan pelbagai bentuk kecuaiian yang sering berlaku dalam pengurusan pentadbiran. Setiap manusia akan menjadi tenaga bagi merealisasikan kewujudan sebuah negara. Menurut (Al-Qudsy, 2008) budaya kerja cemerlang adalah suatu usaha yang menitikberatkan norma-norma yang baik ke arah tingkah laku dan pelaksanaan kerja yang berkesan pada setiap peringkat perkhidmatan sama ada dilakukan secara formal atau tidak formal. Elemen kecemerlangan ini perlu dipupuk di kalangan masyarakat untuk mencapai maksud kelestarian dan merangkumi semua elemen kelestarian iaitu kecemerlangan pengurusan alam sekitar, sosial dan ekonomi.

Kecemerlangan alam sekitar merujuk kepada kecekapan dari segi pengurusan terbaik dan berkualiti untuk alam sekitar. Alam sekitar yang membekalkan keperluan sumber makanan dan bahan-bahan lain perlu diuruskan dengan cekap agar ianya tidak habis atau terancam terutamanya untuk ditinggalkan kepada generasi akan datang. Disamping itu, penguatkuasaan yang cekap terhadap alam sekitar perlu dilakukan bagi mengawal berlakunya kejadian kemusnahan alam seperti pencerobohan atau pencemaran alam yang akan mengakibatkan kesan jangka panjang terhadap persekitaran.

Kecemerlangan sosial pula merujuk kepada pengurusan sosial yang cekap dan berkualiti. Pengurusan sosial ini merangkumi kepada keperluan perlindungan sosial, keselamatan sosial, sokongan sosial, perlindungan diri sosial, bantuan sosial dan kualiti kehidupan. Islam amat mementingkan kepada kecemerlangan sosial dengan mengajak manusia supaya berbuat baik dan mencegah daripada melakukan perbuatan mungkar seperti dijelaskan dalam surah Ali Imran ayat 110 yang bermaksud:

“Kamu adalah umat terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang makruf dan mencegah daripada yang mungkar dan beriman kepada Allah SWT (dengan sebenar-benar iman)”

Dalam pada itu, keadaan persekitaran sosial yang baik itu juga akan menjadikan masyarakat

lebih cemerlang. Menurut Stapa, Ismail, & Yusuf (2012) faktor-faktor persekitaran sosial perlu dipupuk kerana ianya memberikan kesan yang cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Saumi & Zolkepli (2017) kualiti perkhidmatan adalah pada tahap yang cemerlang adalah faktor penting bagi meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

Kecemerlangan ekonomi pula merujuk kepada pengurusan ekonomi yang cekap dan baik. Islam telah memperkenalkan berbagai kaedah dalam ekonomi antaranya konsep *syirkah* (kerjasama permodalan), *qiradh* (memotong sebahagian keuntungan/harta dengan pengusaha), dan *khiyar* (hak yang diberikan oleh hukum syarak terhadap pembeli dan penjual sama ada ingin meneruskan atau membatalkan kontrak yang dilaksanakan). Selain itu, Islam juga memperkenalkan sistem *musaqah* (kerja sama antara pemilik pohon dengan pemeliharanya dengan perjanjian bagi hasil yang jumlahnya disepakati bersama), *mukhabarah* (kerjasama mengelola tanah dengan mendapatkan sebagian hasilnya), dan *muzara'ah* (kegiatan pertanian secara bersama di antara pemilik tanah dan pengusaha tanah dengan pembahagian hasil pula dibahagikan mengikut apa yang dianggarkan dengan akad atau *u'ruf*) dalam bidang pertanian dan perkebunan. Kaedah-kaedah yang diperkenalkan ini menunjukkan Islam amat menggalakkan kegiatan perniagaan untuk meningkatkan ekonomi dan melarang peniaga daripada menindas pihak lain.

iii. Prinsip Nilai Sosial

Prinsip nilai sosial merupakan tulang belakang kepada konsep kelestarian dalam Islam. Menurut Dakir et al. (2015) 3 tunjang utama yang menjadi teras di dalam proses pembinaan dan pembentukan masyarakat lestari iaitu akidah, syariat dan akhlak di mana ia harus dihayati oleh setiap manusia. Tetapi masyarakat atau negara itu dikatakan rosak dan punah itu apabila anggota yang hidup di dalamnya tidak beradab dan hilang akhlak diri, sehingga melakukan jenayah dan kejahatan yang berleluasa. Peranan akhlak dan adab yang diajar oleh agama Islam dapat mengatasi masalah jenayah dalam masyarakat (Shukeri Mohamad, 2018). Untuk membina nilai sosial, masyarakat perlu dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan elemen persekitaran amat penting bagi membantu membina keperibadian seseorang.

Di dalam ekonomi Islam, masyarakat digalakkan berkongsi sumber melalui amal kebajikan (Al-Jayyousi, 2012). Sebagai contoh, amalan berzakat serta berwakaf dalam membantu masyarakat khususnya kepada golongan fakir atau miskin untuk merasai nikmat kehidupan di dunia ini. Menurut Linge (2017) konsep menderma dalam Islam yang bertujuan untuk kebaikan dengan melihat keadaan tahap sosial dan ekonomi masyarakat yang berbeza, idea dan konsep menderma ini adalah salah satu bagi kumpulan masyarakat untuk mengurangkan ketidaksamaan sosial di kalangan masyarakat.

iv. Prinsip Menghindari daripada Melakukan Kerosakan (Fasad)

Sebagaimana yang telah dijelaskan bahawa sebahagian besar kerosakan yang berlaku kepada

alam sekitar adalah disebabkan oleh tangan-tangan manusia sendiri yang merosakkan alam sekitar. Manusia telah melaksanakan pembangunan tanpa memikirkan kepada kesan alam sekitar yang lama kelamaan akan menjejaskan manusia. Disamping kerosakan kepada alam sekitar, kerosakan juga berlaku terhadap sosial dan ekonomi disebabkan oleh perbuatan manusia sendiri. Menurut Özdemir (2003), Islam menggariskan pengeluaran dan penggunaan manusia hendaklah berdasarkan kepada keseluruhan keadaan dan keseimbangan alam sekitar. Hak-hak manusia tidak mutlak dan tidak terhad. Kita tidak boleh mencemarkan alam sekitar seperti yang kita mahu.

Sikap yang boleh menggugat kepada keadilan sosial seperti mengambil hak orang lain, memporak-perandakan masyarakat adalah ditegah di dalam Islam kerana ia akan menyumbang kepada kerosakkan sistem sosial. Menurut Hasan (2007), kehilangan kriteria sosial akan mengakibatkan pengasingan sesama manusia yang seterusnya menjejaskan ekonomi. Dalam hal ini, keperluan kepada manusia untuk mengurus niaga dengan baik dan adil agar tidak menzalimi pihak yang lain. Islam menggalakkan umatnya untuk tidak melakukan penindasan kepada orang lain seperti larangan riba dan aktiviti perniagaan yang tidak patuh syariah. Pandangan ini turut disambut oleh Jusoff et al.(2011) yang menyatakan bahawa walaupun pengajaran Islam mendapat keuntungan sebagai ganjaran untuk melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penting yang diperlukan untuk berkhidmat kepada kepentingan masyarakat, memaksimumkan keuntungan tidak dibenarkan.

Konsep ekonomi Islam menegah sesuatu entiti untuk melakukan amalan yang merosakkan masyarakat. Sebagai contoh, Islam amat menegah perbuatan riba kerana, amalan riba ini membebankan penghutang dan ianya tidak memberi keadilan kepada manusia. Aktiviti riba ini akan merosakkan kehidupan manusia pada masa hadapan. Begitu juga amalan seperti menipu dalam perdagangan dan timbangan yang akan menyebabkan manusia ditipu. Sekiranya terdapat segelintir manusia yang hanya mengejar keuntungan tanpa mengira kesan kepada alam sekitar dan sosial. Perkara ini lama-kelamaan akan merosakkan faktor kelestarian ini yang akan menjejaskan kehidupan manusia pada masa hadapan.

Rumusan

Kertas ini membentangkan konsep kelestarian menurut perspektif Islam yang mempertanggungjawabkan manusia untuk menangani isu kelestarian yang berkaitan alam sekitar, sosial dan ekonomi yang menjejaskan kualiti kehidupan manusia. Islam yang diturunkan kepada manusia membawa rahmat kepada seluruh alam (*rahmatan lil 'alamin*). Berbeza daripada konsep moden, konsep kelestarian dalam Islam memfokuskan prinsip yang perlu dimiliki oleh manusia sebagai khalifah untuk menjaga alam ini. Namun, kerosakkan yang berlaku pada masa ini adalah berpunca daripada perbuatan manusia sendiri. Islam telah menetapkan bahawa manusia merupakan khalifah dan mereka seharusnya mempunyai sikap i) keadilan (*adl*); ii) kecemerlangan (*ihsan*); iii) nilai komuniti keluarga (*arham*); dan iv) tidak melakukan kerosakan (*fasad*) untuk mencapai kelestarian.

Rujukan

- Al-Jayyousi, O. R. (2012). *Islam and Sustainable Development: New Worldviews*. Surrey, England: GOWER.
- Al-Qudsy, S. H. (2008). Budaya Kerja Cemerlang Menurut Perspektif Islam : Amalan Perkhidmatan Awam Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 187–207.
- Baharuddin, A. (2017). Science For Sustainable Development. In Institute of Islamic Understanding (Ed.), *Science For Sustainable Development* (1st ed., pp. 11–37). Kuala Lumpur.
- Bruntland, G. (1987). Comissão Mundial sobre Meio Ambiente e Desenvolvimento: Nosso Futuro Comum. *Rio de Janeiro*: FGV.
- Dakir, J., Tibek, S. R., Hamjah, S. H., & Mohamad, R. (2015). Pembangunan akhlak dan moral ke arah masyarakat lestari. *Jurnal Al-Hikmah*, 7(2), 72–87.
- Daud;, M. Z. bin H. M., & Zabidi;, T. bt. (2009). Petunjuk-Petunjuk Keadilan Sosial. *Jurnal Penyelidikan Islam*, 22, 117–138.
- Hasan, Z. (2007). Sustainable development from an Islamic Perspective: meaning implications and policy concerns. *Munich Personal RePEc Archive*, 19(2784), 17. <https://doi.org/10.4197/islec.19-1.1>
- Jusoff, K., Akmar, S., & Samah, A. (2011). Environmental Sustainability: What Islam Propagates. *World Applied Sciences Journal*, 12(November), 46–53.
- Linge, A. (2017). Filantropi Islam Sebagai Instrumen Keadilan Ekonomi. *Jurnal Perspektif Ekonomi Darussalam*, 1(2), 154–171. <https://doi.org/10.24815/jped.v1i2.6551>
- Malthus, T. R. (1798). An Essay on the Principle of Population An Essay on the Principle of Population. *Library*, 1, 1–273. <https://doi.org/10.1093/fmls/cqi148>
- Özdemir, İ. (2003). Towards An Understanding of Environmental Ethics from a Qur'anic Perspective İbrahim Özdemir. *Islam and Ecology: A Bestowed Trust*, 1–37.
- Purwana, A. E. (2014). Kesejahteraan Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *Justicia Islamica*, 11(1). <https://doi.org/10.21154/justicia.v11i1.91>

- Rangkuti, A. (2017). Konsep Keadilan dalam Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*, VI(1), 1–21.
- Razib, N. Y. (2018). *Ketidaktentuan harga minyak membimbangkan*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/bisnes/ekonomi/ketidaktentuan-harga-minyak-membimbangkan-1.811600>
- Saumi, M. F., & Zolkepli, I. A. (2017). Kelestarian kualiti perkhidmatan eko pelancongan: Aplikasi model analisa “gap” bagi memahami kepuasan pelancong zoo Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 49, 141–154. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2017-49-12>
- Sayyid Qutb. (1964). *Social Justice in Islam*. 20.
- Shukeri Mohamad. (2018). Sistem Sosial Islam: Satu Alternatif ke arah Sifar Jenayah. *Al-Basirah*, 8(2), 71–87.
- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition (2012)* 155-172, 155–172.
- Sulaiman, S., Hasan, A., & Mohamad, A. A. S. @. (2016). Pembangunan Dan Pelaburan Lestari Harta Wakaf Dari Perspektif Islam. *Kanun*, (November), 68–100. Retrieved from <http://jurnalkanun.dbp.my/wordpress/wp-content/uploads/2016/02/4-Lestari.pdf>
- Tami Luhby. (2019). Oxfam report: world's 26 richest billionaires own same as total wealth of the 3.8 billion poorest - CNN. Retrieved July 31, 2019, from <https://edition.cnn.com/2019/01/20/business/oxfam-billionaires-davos/index.html>
- Ujang, Z. (1998). Prinsip Ekologi Islam. *Seminar Alam Sekitar: Pengurusan Bijak Alam Anugerah Tuhan*. IKIM. Kuala Lumpur: IKIM.
- United Nation. (2016). The Millennium Development Goals Report 2015. *The Millennium Development Goals Report 2015*. <https://doi.org/10.18356/6cd11401-en>
- World Bank. (2019). Poverty Overview. Retrieved July 31, 2019, from <https://www.worldbank.org/en/topic/poverty/overview>